

**NOVEL :
SEJAMBAK BAKTI**

Aspek Seni Bahasa

SK – 4.1 Memahami dan mengapresiasi karya sastra dengan memberikan respons peribadi.

SP – 4.1.1 Memahami dan mengapresiasi karya prosa dari aspek sinopsis, tema, persoalan, nilai dan pengajaran, watak dan perwatakan dengan memberikan respons yang betul dan rasional.

Susun urutan peristiwa novel *Sejambak Bakti* mengikut urutan yang betul.

1	2	3	4	5
6	7	8	9	10

Koperasi sekolah sekali lagi diceroboh. Pemeriksaan mengejut diadakan untuk mencari penceroboh. Munir mengaku mencerooboh koperasi sekolah buat kali yang kedua.	
Razali terpilih untuk mewakili koperasi sekolah ke kursus koperasi seluruh Malaysia di Maktab Kerjasama Malaysia. Semua ahli lembaga pengarah bersetuju untuk menyertai pertandingan koperasi sekolah anjuran ANGKASA.	
Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan telah diumumkan sebagai johan dalam Pertandingan Koperasi Sekolah-sekolah.	
Munir tidak berpuas hati dengan Razali lalu berpakat dengan kawan-kawannya untuk mengenakan Razali. Munir cemburu akan hubungan Razali dengan Ramlah.	
Razali juga akhirnya telah bertemu dengan ayah kandungnya, Pak Ramli.	
Koperasi sekolah telah diceroboh dan Razali disoal siasat untuk membantu siasatan. Munir memfitnah Razali mencerooboh koperasi sekolah.	
Munir berjumpa dengan Razali, emak dan ayah tirinya, Pak Zakaria untuk menerangkan perkara yang sebenar. Razali bersetuju untuk membantu Munir mengulang kaji pelajaran bagi menghadapi peperiksaan SPM yang kian hampir.	
Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Kali Pertama telah diadakan. Ucapan tahniah khusus daripada Pengerusi Koperasi kepada Razali kerana dia terpilih sebagai penolong setiausaha. Cikgu Zulkifli membentangkan minit mesyuarat dan membawa tiga usul daripada mesyuarat agung yang lalu.	
Hukuman pertama dikenakan terhadap Munir ialah hukuman rotan sebanyak tiga kali. Munir dirotan di hadapan perhimpunan dan digantung sekolah.	
Cikgu Zulkifli mengadu masalah disiplin Munir kepada Cikgu Muniam. Munir dan kawan-kawannya dirotan kerana memukul Razali.	